



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN DASAR PROGRESIF UNTUK PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN MELALUI LATIHAN INDUSTRI

PUTRAJAYA, 2 DISEMBER 2024 – Selaras dengan komitmen Kerajaan Malaysia dalam memperkasakan bakat muda tempatan dan mewujudkan ekosistem tenaga kerja yang mampan, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) akan melaksanakan **Dasar Progresif Penggajian Ekspatriat dan Pembangunan Bakat Tempatan (Dasar Progresif 1:3)**.

Selaras dengan nilai teras **3K KESUMA** yang menekankan peningkatan **Kebajikan, Kemahiran, dan Keberhasilan (produktiviti)**, Dasar Progresif 1:3 diperkenalkan sebagai langkah strategik untuk memperluas **peluang latihan industri yang berkualiti, berstruktur dan berbayar** kepada bakat muda tempatan.

Dasar ini melibatkan syarikat yang menggajikan ekspatriat, di mana setiap kelulusan pas penggajian memerlukan syarikat menyediakan tempat latihan industri. Ia akan disokong oleh **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP)** yang menawarkan insentif pelepasan cukai kepada syarikat. Melalui dasar ini, bakat muda tempatan akan diberi pendedahan kerja sebenar, meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan, serta mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran pasaran kerja yang kompetitif termasuk perubahan industri global seperti perkembangan **Kecerdasan Buatan (AI), Digitalisasi, dan Teknologi Hijau dalam industri**.

Dasar ini akan dipantau dan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan fasa rintis pada **1 Januari 2025 – 31 Disember 2025 dan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2026**. Kelulusan pas penggajian ekspatriat akan disesuaikan dengan kuota peluang penempatan latihan industri bagi memastikan penyelarasan keperluan tenaga kerja dan pembangunan bakat tempatan. Dasar ini dijangka akan mewujudkan lebih 100,000 peluang penempatan latihan industri yang relevan.

Justeru, bagi memastikan Dasar Progresif 1:3 ini dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh, berikut merupakan antara cadangan pelaksanaan dasar tersebut:

1. Syarikat yang telah mendapat kelulusan pas pekerjaan ekspatriat melalui Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (MYXpats) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Bagi setiap kelulusan **Pas Penggajian Ekspatriat (EP)**, syarikat perlu menyediakan **sehingga tiga (3) penempatan latihan industri berbayar** dan berstruktur kepada bakat tempatan mengikut nisbah 1 (Ekspatriat): 3 (Pelatih Industri). Penyesuaian nisbah ini turut mengambil kira saiz organisasi dan jumlah tenaga kerja dalam sesebuah syarikat yang terlibat.

2. **Pelaksanaan Dasar Progresif 1:3 ini hanya akan dilaksanakan selepas ekspatriat menerima kelulusan pas pengajian dan ianya tidak akan menjejaskan proses kelulusan pengajian ekspatriat semasa.** Syarikat yang memenuhi keperluan ini turut akan diberi keutamaan dalam kelulusan masa hadapan.
3. Pelaksanaan dasar ini **tidak akan melibatkan sebarang kos tambahan** dan akan disokong oleh ekosistem **Insentif Latihan Amali (ILHAM) KESUMA** untuk proses mudahcara syarikat untuk menyediakan penempatan latihan industri:
 - a. **Insentif melalui Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP)** - Syarikat layak menerima insentif potongan cukai berganda ke atas elaun bulanan yang dibayar kepada pelatih industri serta kos berkaitan seperti latihan dan pembangunan, bahan latihan industri, dan logistik di bawah MySIP, menjadikan dasar ini bermanfaat untuk kedua-dua pihak – pelajar dan majikan; dan
 - b. **Skim Latihan Industri HRD Corp** – Insentif yang membolehkan syarikat menggunakan sehingga 50% daripada baki levi mereka untuk membantu pelajar dari universiti, kolej atau institusi latihan untuk menjalani latihan industri di organisasi mereka. Ia boleh ditawarkan menerusi elaun bulanan dan sebarang perkara lain yang diperlukan oleh pelatih untuk melatih di organisasi.
 - c. **Sistem sokongan untuk pemudahcaraan majikan (Platform MyNext)** - Platform MyNext (www.mynext.my) TalentCorp akan berfungsi sebagai pusat pengurusan penempatan latihan industri (kemudahan untuk syarikat bagi penempatan, pengiklanan, capaian dan padanan bakat).
4. Mekanisma berikut adalah keperluan penempatan latihan industri berdasarkan kategori Pas Pengajian untuk ekspatriat:
 - **Kelulusan Pas Pengajian I (EPI - Employment Pass I)**
 - Untuk setiap satu (1) kelulusan kategori EP I, syarikat perlu menyediakan tiga (3) tawaran/penempatan latihan industri.
 - **Kelulusan Pas Pengajian II (EPII - Employment Pass II)**
 - Untuk setiap satu (1) kelulusan kategori EP II, syarikat perlu menyediakan dua (2) tawaran/penempatan latihan industri.
 - **Kelulusan Pas Pengajian III (EPIII - Employment Pass III)**
 - Untuk setiap satu (1) kelulusan kategori EP III, syarikat perlu menyediakan satu (1) tawaran/penempatan latihan industri.
 - Jika nisbah penempatan latihan industri melebihi kadar 2% daripada jumlah pekerja, maka, kadar minimum penempatan latihan industri akan **ditetapkan pada kadar 2% sahaja** daripada jumlah tenaga kerja syarikat secara automatik.

5. Walaubagaimanapun, **untuk tempoh pelaksanaan fasa rintis yang bermula 1 Januari 2025, dasar ini hanya terpakai dan hanya akan melibatkan syarikat dalam kategori tier 1 dan tier 2 sahaja** bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan dasar ini.
6. Sebagai penyelarar utama, TalentCorp akan bekerjasama rapat dengan institusi pengajian tinggi, TVET, pemain industri, dewan perniagaan antarabangsa dan persatuan terlibat untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar ini. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif TalentCorp untuk merapatkan jurang antara industri dan akademik, serta menyokong pembangunan ekosistem tenaga kerja Malaysia yang holistik dan mampan.
7. Polisi ini selaras dengan tiga tonggak Rangka Kerja Ekonomi MADANI - Kelestarian, Kesejahteraan, dan Inovasi, yang menyokong pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan, serta pembangunan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing dan inovatif.
8. Ia dirangka untuk memperkasa tenaga kerja tempatan melalui penciptaan peluang latihan industri yang berstruktur, berbayar, dan berkualiti, sekaligus menggalakkan penyertaan aktif industri dalam usaha pembangunan negara.
9. Untuk maklumat lanjut berhubung pelaksanaan Dasar Progresif Polisi 1:3, sila layari www.talentcorp.com.my/1to3policy

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
2 Disember 2024**

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	